

22/05/1999

PM, Habibie selesai masalah dua hala

PERTEMUAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden BJ Habibie di Batam, Indonesia kelmarin tidak boleh dianggap ganjil kerana pemimpin kedua-dua negara sering berhubung antara satu dengan lain. Apabila ada kesempatan mereka mengadakan pertemuan dari semasa ke semasa. Hanya mereka yang berpandangan serong akan mengaitkan pertemuan seperti itu berlandaskan pertemuan politik. Sekali pun kemungkinan selepas ini ada pihak yang akan meramalkan pertemuan itu ada kaitan dengan pilihan raya di Indonesia, ia sebenarnya secara kebetulan. Pertemuan terbuka seperti ini biasanya jarang membincangkan perkara sulit, tambahan pula pertemuan kedua-dua pemimpin itu disusuli dengan pertemuan perwakilan kedua-dua negara. Sekiranya mereka mahu bercakap soal politik, tidak perlu mengatur pertemuan di Batam. Mereka boleh bertemu secara sulit atau mendapat maklumat menerusi perbualan telefon.

Jika ada pun perbincangan menyentuh mengenai keadaan politik di kedua-dua Indonesia kini dalam proses menghadapi pilihan raya, setidak-tidaknya Dr Mahathir ingin mengetahui perkembangan di republik itu. Berasaskan kepada laporan yang diterbitkan media asing mengenai kekecohan di Indonesia, Dr Mahathir tentulah ingin mengetahui keadaan sebenar yang berlaku.

Adakah ia maklumat tulen atau sengaja digembar-gemburkan. Sebagai rakan, Malaysia tentunya bimbang dengan keadaan di Indonesia sekiranya perkara yang tidak diinginkan benar-benar berlaku ketika menjelang dan selepas pilihan raya di republik itu. Indonesia mempunyai sistemnya tersendiri. Malaysia tidak ada kaitan untuk campur tangan dalam urusan dalaman negara itu.

Pertemuan Dr Mahathir dan Habibie lebih tertumpu kepada soal hubungan dua hala di samping menyelesaikan masalah yang membabitkan kedua-dua negara. Tanpa pertemuan seperti ini, beberapa masalah kecil akan terus melebar. Pertemuan seperti itu bolehlah dianggap sebagai 'tindakan mencegah' bagi menghadapi kemungkinannya keadaan yang sukar lagi dikawal. Dengan kesepakatan yang dicapai di peringkat paling tinggi itu, sebarang langkah penguatkuasaan, lebih mudah dijalankan.

Di mana-mana negara yang berjiran sekali pun, pasti wujud masalah yang membabitkan pergerakan dan kegiatan rakyat. Dalam konteks Malaysia-Indonesia, kegiatan pembalakan dan urusan keluar masuk rakyat, sering menjadi masalah. Keadaan yang sama berlaku di sempadan Malaysia-Thai. Walaupun kegiatan seperti ini tidak ada kaitan dengan hubungan kerajaan dengan kerajaan, namun, jika dibiarkan, ia akan hanya menggambarkan kedua-dua negara merestui sebarang kegiatan rakyat walaupun dilakukan tanpa mengikut undang-undang. Hari ini, ramai rakyat Indonesia yang masuk ke negara ini secara haram dengan matlamat untuk mencari pekerjaan. Bagi mereka yang ditangkap, tindakan terpaksa diambil, mungkin ada yang dilayan dengan kasar. Jika kerajaan Indonesia tidak memahami sikap Malaysia berhubung masalah pendatang haram terutama tindakan pihak berkuasa terhadap rakyat negara itu, ia boleh menimbulkan ketegangan. Dengan adanya pertemuan seperti itu, pemimpin Indonesia mungkin lebih faham tindakan negara ini mengusir rakyat Indonesia supaya kembali ke negara mereka. Bagi kegiatan pembalakan, pertemuan itu dapat mencari jalan untuk menyekat perbuatan seperti itu daripada berterusan sama ada ia berlaku di kawasan hutan republik itu atau di Malaysia. Kerja pembalakan yang dijalankan tanpa kebenaran adalah salah sama ada di Malaysia atau Indonesia, selain

boleh merosakkan `keharmonian' hutan jika ditebang tebas tanpa penyeliaan rapi. Sekurang-kurangnya kedua-dua negara dapat memikirkan cara mana kegiatan itu dibendung. Ia boleh dilakukan menerusi pengawasan yang membabitkan pihak berkuasa kedua-dua negara.

Walaupun pertemuan itu agak singkat, namun kesannya amat bermakna dalam konteks mewujudkan persefahaman antara kedua-dua negara. Pertemuan seperti itu seharusnya disusuli dengan pertemuan peringkat menteri atau pegawai untuk menyusun rancangan bertindak terhadap keputusan yang diambil. Malaysia dan Indonesia mempunyai peluang ekonomi yang terbuka luas. Adalah lebih baik jika kedua-dua negara menyusun strategi bersama bagi menjayakan ekonomi negara, daripada menyimpan prasangka yang negatif. Kedua-dua negara perlu membuka ruang sesama sendiri untuk meningkatkan peluang ekonomi demi kebaikan bersama.

(END)